

Ketetapan Umum No. 2/2002

PERBELANJAAN PRAOPERASI DAN PRAPERMULAAN PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN BAGI SYARIKAT

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan perbelanjaan praoperasi dan prapermulaan perniagaan yang boleh dibenarkan bagi syarikat menurut:

- 1.1 **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Belanja Memperbadankan), 1974 [P.U. (A) 134 / 1974] ;**
- 1.2 **Jadual 4B, Akta Cukai Pendapatan, 1967 - Perbelanjaan Perniagaan Pra- operasi Yang Layak;**
- 1.3 **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [P.U.(A) 61 / 1992] - seperti dipinda oleh Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) (Pindaan) 1995 [P.U.(A) 111 / 1995]; dan**
- 1.4 **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Latihan Sebelum Memulakan Perniagaan) 1996 [P.U.(A) 160/1996].**

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini menjelaskan perbelanjaan praoperasi dan prapermulaan perniagaan yang boleh dibenarkan di bawah Peruntukan-peruntukan tertentu [selepas ini disebutkan sebagai *Peruntukan-peruntukan tertentu*] dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 atau di bawah Kaedah-kaedah tertentu [selepas ini disebutkan sebagai *Kaedah-kaedah tertentu*] seperti yang tersebut di perenggan 1.0 di atas, kepada sebuah syarikat apabila ia memulakan operasi atau perniagaannya.

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNA PAKAI

- 3.1 Pada amnya, perbelanjaan praoperasi atau prapermulaan perniagaan [*rujuk perenggan 4.1 dan 4.2*] yang dilakukan oleh sebuah syarikat tidak akan dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan oleh kerana perbelanjaan itu disifatkan sebagai tidak dilakukan kesemuanya dan

semata-mata dalam menghasilkan pendapatan itu.

3.2 Jadual 4B, Akta Cukai Pendapatan 1967 [selepas ini disebutkan sebagai *Akta*] dan Kaedah-kaedah tertentu membenarkan potongan bagi beberapa perbelanjaan praoperasi atau prapermulaan perniagaan yang dilakukan.

3.3 Ketetapan ini memberi garis panduan secara am berkaitan dengan perbelanjaan praoperasi dan prapermulaan perniagaan yang boleh dibenarkan kepada sebuah syarikat sebagai potongan daripada:

3.3.1 pendapatan kasar dalam mengira pendapatan larasan perniagaan; atau

3.3.2 pendapatan agregat dalam mengira jumlah pendapatan; syarikat itu [rujuk perenggan 4.3].

3.4 Perbelanjaan memperbadankan [Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Belanja Memperbadankan), 1974]

3.4.1 Keadaan-keadaan di mana hutang boleh dianggap sebagai lapuk

Bagi syarikat yang diperbadankan di Malaysia pada atau selepas 1 Januari 1973 dengan modal dibenarkan tidak melebihi RM250,000, perbelanjaan memperbadankan seperti berikut boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan:

- A. kos penyediaan dan percetakan Memorandum, Tataurusan Pertubuhan dan Prospektus, dan pengedaran dan pengiklanan Prospektus;
- B. kos pendaftaran syarikat dan dokumen berkanun, bersama dengan yuran dan duti setem yang kena dibayar;
- C. kos penyediaan kontrak permulaan dan duti setem ke atasnya;
- D. kos percetakan dan pembayaran duti setem bagi debentur (jika ada) dan sijil syer dan surat perumpukan;
- E. kos meterai syarikat; dan

F. komisen penaja jamin.

- 3.4.2 Perbelanjaan memperbadankan tersebut hendaklah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar dalam menentukan pendapatan larasan berhubung dengan punca perniagaan syarikat bagi tempoh asas dalam tahun taksiran [T/T] di mana ia memulakan perniagaan itu.
- 3.4.3 Potongan tersebut hendaklah dibuat dalam pengiraan cukai bagi T/T seperti dinyatakan dalam perenggan 3.4.2 di atas, sama ada perbelanjaan tersebut telah ataupun tidak dipermodalkan dalam lembaran imbangan syarikat atau telah dihapuskira di dalam akaun untung rugi syarikat untuk tempoh perakaunan berkenaan

Contoh 1

Syarikat A diperbadankan di Malaysia pada 11.02.2002 dengan modal dibenarkan sebanyak RM250,000. Syarikat memulakan perniagaan runcit menjual alat-alat logam pada 01.08.2002 dan menutup akaun pada 31.07.2003. Perbelanjaan memperbadankan berikut dipermodalkan dalam lembaran imbangan pertama pada 31.07.2003:

<i>Butiran perbelanjaan</i>	<i>Amaun [RM]</i>
Penyediaan & percetakan Memorandum & Tataurusian Pertubuhan	500
Pendaftaran syarikat (termasuk duti setem)	3,500
Meterai syarikat	200

Perbelanjaan memperbadankan berjumlah RM4,200 boleh dipotong daripada pendapatan kasar syarikat bagi tempoh asas 01.08.2002 - 31.07.2003. [Untuk keterangan tentang penentuan tempoh asas, rujuk Ketetapan Umum No. 7/2001.]

Contoh 2

Syarikat B diperbadankan di Malaysia pada 01.03.2002 dengan modal dibenarkan sebanyak RM300,000 dan modal diterbitkan RM150,000. Perbelanjaan memperbadankan (sama seperti di *Contoh 1* di atas) berjumlah

RM4,200.

*Perbelanjaan memperbadankan **tidak** boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar syarikat oleh kerana modal dibenarkan melebihi RM250,000.*

3.5 Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang dilakukan di luar Malaysia [Jadual 4B, Akta Cukai Pendapatan 1967]

- 3.5.1 Beberapa perbelanjaan praoperasi perniagaan yang berkaitan dengan cadangan untuk membuat pelaburan dalam suatu usaha perniagaan di luar Malaysia boleh dituntut jika:
- A. syarikat itu bermastautin di Malaysia; dan
 - B. usaha perniagaan itu telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.
- 3.5.2 Perbelanjaan praoperasi perniagaan berkaitan dengan usaha perniagaan yang diluluskan yang layak untuk potongan ialah:
- A. perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan menjalankan kajian feasibiliti, termasuk kos menggajikan konsultan;
 - B. perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan menjalankan penyelidikan atau tinjauan pasaran atau mendapatkan maklumat pemasaran, termasuk kos menggajikan konsultan;
 - C. perbelanjaan yang dilakukan atas tambang perjalanan ke negara di luar Malaysia oleh wakil syarikat untuk tujuan menjalankan kajian feasibiliti atau tinjauan pasaran; dan
 - D. perbelanjaan sebenar tidak melebihi RM400 sehari untuk peng-inapan dan makanan bagi tempoh yang bermula dari tarikh wakil syarikat bertolak keluar Malaysia dan berakhir pada tarikh beliau pulang ke Malaysia.

Contoh

ABC Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang bermastautin di Malaysia, mengeluarkan peralatan elektrik untuk keperluan isi rumah. Syarikat itu bercadang membina sebuah kilang di Mongolia. Sebelum usaha ini dimulakan, pengarah pemasaran syarikat dihantar ke Mongolia untuk menjalankan tinjauan. Perbelanjaan berikut dilakukan:

<i>Butiran perbelanjaan</i>	<i>Amaun [RM]</i>
Penyelidikan pasaran (oleh konsultan Mongolia)	5,000

Perjalanan & perbelanjaan lain:		
<i>Tambang kapal terbang</i>	2,000	
<i>Hotel (RM200 x 10 hari)</i>	2,000	
<i>Elaun makan (RM100 x 10 hari)</i>	1,000	5,000
Jumlah		10,000

*Meskipun perbelanjaan tersebut dilakukan di luar Malaysia dan amaunnya tidak melebihi had yang ditetapkan; akan tetapi, potongan **tidak** boleh dibenarkan di bawah peruntukan ini melainkan jika usaha perniagaan itu telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.*

- 3.5.3 Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak hendaklah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat seperti diperuntukkan di bawah Jadual 4B Akta. Sebarang perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak yang tidak dapat diserapkan boleh dibawa ke T/T berikutnya.

Contoh

ABC Sdn. Bhd. telah melakukan perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak [*rujuk Contoh dalam perenggan 3.5.2 di atas*] untuk suatu usaha perniagaan yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Kedudukan dalam T/T 2002 adalah seperti berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Amaun [RM]</i>
Pendapatan berkanun bagi perniagaan #2 (peralatan elektrik)	20,000
Kerugian larasan bagi perniagaan #1 (jualan runcit)	5,000
Kerugian larasan bagi perniagaan #1 (dibawa ke hadapan)	2,000
Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak	10,000

Pengiraan adalah seperti berikut:

Pendapatan berkanun bagi perniagaan #2	20,000
Pendapatan berkanun bagi perniagaan #1	<u>Tiada</u>
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan	20,000
<i>Tolak: Kerugian larasan perniagaan dibawa ke hadapan</i>	<u>2,000</u>
Pendapatan Agregat	18,000

<i>Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa</i>	<u>5,000</u>
	13,000
<i>Tolak: Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak</i>	<u>10,000</u>
Jumlah Pendapatan	<u>3,000</u>

3.6 Perbelanjaan prapermulaan perniagaan untuk latihan yang diluluskan [Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992]

- 3.6.1 Sebuah syarikat **perkilangan** boleh dibenarkan **potongan dua kali** bagi perbelanjaan prapermulaan perniagaan untuk latihan yang diluluskan dalam mengira pendapatan larasan jika syarat-syarat berikut dipenuhi:
- A. perbelanjaan berkenaan telah dilakukan dalam tempoh sebelum perniagaan dimulakan;
 - B. perbelanjaan berkenaan adalah untuk melatih pekerjaanya memperolehi kemahiran pertukangan, penyeliaan atau teknikal yang akan menyumbang secara langsung kepada hasil pengeluarannya pada masa hadapan;
 - C. latihan berkenaan adalah disediakan di bawah program latihan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia [*MIDA*] atau program latihan yang dijalankan oleh suatu institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan; dan
 - D. pekerja berkenaan adalah warganegara Malaysia.
- 3.6.2 Perbelanjaan yang layak bagi potongan adalah amaun yang dibayar oleh syarikat kepada institusi latihan untuk program latihan tersebut. Tuntutan hendaklah disokong dengan surat kelulusan daripada MIDA atau surat daripada institusi latihan yang diluluskan yang mengesahkan tentang butiran program latihan (termasuk amaun yang dibayar) dan bahawa pekerja syarikat telah menghadiri program latihan berkenaan.

Contoh

Sebuah syarikat yang bercadang mengeluarkan kondenser bagi alat penyaman udara automobil memulakan operasi pada

01.08.2002. Sebelum pengeluaran dimulakan, syarikat itu mengambil 30 pekerja yang kesemuanya warganegara Malaysia. 20 pekerja dihantar untuk latihan dalam pemakaian mesin di Institut Kemahiran MARA [IKM], sebuah institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan, dan 10 pekerja lagi dihantar untuk mempelajari kemahiran pemakaian mesin dan pemasangan kondenser di kilang syarikat bersekutunya di negara Jepun. Perbelanjaan latihan berikut dilakukan:

<i>Butiran perbelanjaan</i>	<i>Di Malaysia [RM]</i>	<i>Di Jepun [RM]</i>
Elaun perjalanan (dibayar kepada rekrut)	4,000	-
Yuran kursus (termasuk makanan & penginapan)	40,000	-
Makanan & penginapan	-	50,000
Tambang kapalterbang	-	25,000
Jumlah	44,000	75,000

Surat dari IKM dikemukakan bagi mengesahkan amaun dibayar oleh syarikat untuk program latihan ini ialah RM40,000 dan pekerja syarikat telah menghadirinya.

Syarikat itu memulakan pengeluaran pada 01.01.2003 dan akaun pertama disediakan bagi tempoh 01.08.2002 hingga 31.07.2003.

*Syarikat itu boleh dibenarkan potongan dua kali bagi perbelanjaan sebanyak RM40,000 yang dilakukan untuk latihan pekerja di Malaysia di bawah Kaedah-kaedah ini dalam menentukan pendapatan larasan bagi tempoh asas 01.08.2002 hingga 31.07.2003 [untuk keterangan tentang penentuan tempoh asas, rujuk Ketetapan Umum No. 7/2001]. Elaun perjalanan (RM4,000) **tidak** boleh dibenarkan kerana hanya amaun yang dibayar kepada institusi latihan (IKM) untuk program latihan adalah layak untuk potongan.*

*Perbelanjaan latihan di negara Jepun **tidak** boleh dibenarkan di bawah Kaedah-kaedah ini kerana syarikat bersekutu itu*

- bukanlah institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan [akan tetapi, rujuk perenggan 3.7.1 di bawah].*
- 3.6.3 Kaedah-kaedah ini berkuatkuasa dari T/T 1992 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.
- 3.6.4 Mulai 01.07.1993, syarikat yang menyumbang kepada Tabung Pem- bangunan Sumber Manusia [TPSM] tidak layak untuk potongan di bawah Kaedah-kaedah ini.
- 3.7 Perbelanjaan latihan prapermulaan perniagaan [Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Latihan Sebelum Memulakan Perniagaan) 1996]**

- 3.7.1 Sebuah syarikat yang menyediakan latihan untuk pekerjanya sebelum memulakan perniagaan boleh dibenarkan **potongan sekali** atas per- belanjaan latihan itu dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan jika:
- A. latihan itu adalah untuk memberi kemahiran asas supaya syarikat dapat memulakan perniagaan;
 - B. perbelanjaan latihan dilakukan dalam tempoh setahun sebelum perniagaan dimulakan; dan
 - C. perbelanjaan latihan itu adalah jenis yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 Akta.

Contoh

[Rujuk *Contoh* di perenggan 3.6.2 di atas.]

Perbelanjaan yang dilakukan untuk latihan pekerja di negara Jepun sebelum perniagaan dimulakan sebanyak RM75,000 boleh dibenarkan potongan sekali di bawah Kaedah-kaedah ini dalam menentukan pendapatan larasan syarikat bagi tempoh asas 01.08.2002 hingga 31.07.2003 size=4>.

- 3.7.2 Syarikat berikut adalah tidak layak untuk potongan di bawah Kaedah- kaedah ini:
- A. sebuah syarikat yang menerima geran latihan daripada Kerajaan; atau
 - B. sebuah syarikat yang menuntut potongan dua kali untuk perbelanjaan latihan di bawah **Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan), 1992** [*rujuk perenggan 3.6 di atas*]

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud Ketetapan ini:

- 4.1 Maksud "praoperasi" adalah seperti yang ditakrifkan dalam Peruntukan-peruntukan tertentu [*rujuk perenggan 3.5.2 di atas*] dan sebarang rujukan kepada "praoperasi" atau "prapermulaan operasi" hendaklah ditafsirkan

menurut syarat-syarat yang ditetapkan di bawahnya.

4.2 Maksud "prapermulaan perniagaan" adalah seperti yang ditakrifkan dalam Kaedah-kaedah tertentu [*rujuk perenggan 3.4, 3.6 dan 3.7 di atas*]. Penentuan tarikh permulaan perniagaan memerlukan pertimbangan kesemua keadaan dan fakta bagi setiap kes. Secara am, permulaan perniagaan bermaksud permulaan aktiviti yang dijalankan semasa mengusahakan perniagaan atau aktiviti yang merupakan sebahagian daripada proses penghasilan pendapatan, yang mana dibezakan daripada aktiviti persediaan untuk memulakan perniagaan. Tertakluk kepada keadaan dan fakta kes yang spesifik, contoh berikut boleh dianggap sebagai tanda permulaan perniagaan sekiranya perbuatan atau aktiviti tersebut merangkumi sebahagian daripada suatu siri perbuatan atau aktiviti yang dijalankan atau dilakukan secara aktif dalam menjalankan perniagaan:

4.2.1 pembelian bahan mentah dalam kes perkilangan;pembelian

4.2.2 barangniaga untuk dijual semula dalam kes jualan runcit;

4.2.3 penanaman pertama dalam kes pertanian;

4.2.4 meratakan tanah dalam kes pembinaan; atau

4.2.5 pembelian tanah dalam kes pembangunan hartanah.

Walau bagaimanapun, sebarang rujukan kepada "prapermulaan perniagaan" atau "sebelum memulakan perniagaan" hanya boleh ditakrifkan sedemikian jika ianya tidak bercanggah dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah tertentu.

4.3 "Pendapatan larian", "pendapatan berkanun", "pendapatan agregat" dan "jumlah pendapatan" merujuk kepada pendapatan seperti yang ditentukan di bawah Bab 4, 5 dan 6 Akta.

(Tarikh Keluaran: 8 Julai 2002)